

FPEP UMS azam tingkati kualiti graduan menerusi pelaksanaan iCGPA

BP 1-11-16 B6

GRADUAN perlu memiliki disiplin ilmu yang relevan serta akhlak dan penetapan minda yang sesuai ke arah membentuk graduan yang holistik, seimbang dan berciri keusahawanan sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Mereka juga perlu memiliki tingkah laku terpuji serta beradab untuk memajukan diri bagi membolehkan mereka

memberikan sumbangan kepada keharmonian dan kemajuan keluarga, masyarakat, negara dan komuniti global.

Enam atribut utama atau domain iaitu, etika dan kerohanian, kemahiran memimpin, identiti nasional, kemahiran bahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan dikenalpasti perlu dimiliki oleh

setiap graduan.

Pembangunan atribut pelajar dan graduan dalam enam domain ini boleh dicapai menerusi pelaksanaan modul Rubrik PNGK Bersepadu atau, ringkasnya iCGPA (integrated Cummulative Grade Point Average) Rubric.

Modul ini adalah satu lagi mekanisma terbaharu Kementerian Pendidikan Tinggi dalam memastikan agar graduan yang dilahirkan oleh universiti awam kelak mampu memenuhi kriteria pilihan majikan.

Sebagaimana dijelaskan dalam Buku Panduan Pentaksiran Hasil Pembelajaran Rubrik PNGK Bersepadu terbitan Kementerian Pendidikan Tinggi, PNGK Bersepadu (iCGPA) berperanan untuk memacu amalan penjajaran konstruktif bagi memastikan

reka bentuk kurikulum, pelaksanaan kurikulum dan proses pentaksiran pada peringkat kursus dan program adalah berkualiti.

PNGK Bersepadu (iCGPA) adalah satu sistem atau mekanisme pentaksiran dan pelaporan mengenai peningkatan dan pembangunan bersepadu pelajar dari segi adab (etika dan nilai murni), pengetahuan deklaratif dan fungsional serta kemahiran teknikal mereka dalam bidang disiplin yang diceburi.

Pelaporan iCGPA akan memperlihatkan pencapaian atribut pelajar untuk enam aspirasi yang digariskan dalam PPPM (PT) yang juga terkandung dalam lapan domain hasil pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia. Mekanisme ini bertujuan membantu pihak berkepentingan merancang



DR Mohd Ruslim bersama Dekan PM Dr Raman (paling kanan).

dan menentukan langkah penambakan yang paling sejajar.

Oleh itu, pelaporan iCGPA pelajar memperlihatkan pencapaian holistik pelajar dan juga pencapaian mereka bagi setiap hasil pembelajaran program di sepanjang tempoh pengajian (sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi 2016).

Sejajar dengan usaha Kementerian Pendidikan Tinggi dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan universiti awam ini, maka Fakulti Perniagaan Ekonomi dan Perakaunan UMS telah mengadakan Bengkel iCGPA di bawah kendalian Dr Mohd Ruslim Mohamed, Pengarah Pusat Inovasi dan Daya Saing Akademik Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Bengkel itu telah dilaksanakan selama satu hari pada 26 Oktober 2016 bertempat di bilik persidangan

MBA, FPEP.

Dekan Fakulti Prof Madya Dr Raman Noordin menjelaskan bahawa bengkel yang dilaksanakan itu adalah sebagai persiapan fakulti untuk melaksanakan iCGPA menerusi program terpilih pada penawaran kursus akan datang.

Menurut beliau program Perakaunan telah dicadang untuk merintis modul itu khusus dalam kalangan penuntut tahun akhirnya.

"Selain bengkel yang diadakan pihak fakulti juga akan melaksanakan beberapa inisiatif susulan di bawah Seksyen Akademiknya yang diketuai oleh Timbalan Dekan Akademik FPEP Dr Zaiton Osman, bagi meningkatkan lagi pemahaman dan kesediaan para pensyarah," katanya.

Dalam bengkel yang diadakan itu, Dr Mohd Ruslim turut menekankan peri pentingnya memiliki

sistem sokongan daripada pentadbir sistem dan akademik universiti. Ia adalah bagi memastikan kelancaran sistem iCGPA.

Beliau berkata dengan sokongan jabatan-jabatan berkaitan, pensyarah tidak akan terbeban dengan tugas pentadbiran.

Malah katanya, sistem baharu itu seharusnya mampu meringankan lagi pemantauan kehadiran pelajar dan sebagainya.

"Sekali gus, akan meningkatkan fokus pensyarah kepada tugas mengajar dan membuat penyelidikan. Justeru, pihak FPEP akan bekerjasama rapat dengan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi UMS dan Bahagian Perkhidmatan Akademik UMS bagi memastikan kesediaan sistem sedia ada dalam kelancaran pelaksanaan iCGPA kelak," katanya.



DR Mohd Ruslim (kiri) membimbing peserta bengkel.



PARA peserta merakamkan gambar kenangan sempena bengkel itu.